

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Pelaburan Langsung Asing yang telah diluluskan dan yang dilaksanakan (*approved and realised Foreign Direct Investment*) untuk tahun 2019 dan 2020 dan apakah angka pecahan itu untuk setiap negeri dan wilayah.

JAWAPAN

1. Bagi tempoh tahun 2019 hingga September 2020, sebanyak 1,728 projek telah diluluskan dalam sektor perkilangan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM148.1 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM93.9 bilion (63 peratus) melibatkan pelaburan langsung asing manakala RM54.2 bilion (37 peratus) merupakan pelaburan langsung domestik. Pelaburan ini dijangka akan menjana sejumlah 129,778 peluang pekerjaan.

2. Daripada jumlah projek perkilangan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2019 hingga September 2020 tersebut, berdasarkan kaji selidik berhubung pelaksanaan projek pelaburan dalam sektor perkilangan yang dijalankan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sehingga bulan Jun 2020, sebanyak 871 projek (50 peratus) telah dilaksanakan dengan jumlah pelaburan bernilai RM65.3 bilion, di mana RM36.0 bilion atau 55 peratus merupakan pelaburan langsung asing. Projek-projek dalam peringkat pelaksanaan ini akan dapat mewujudkan sejumlah 60,935 peluang pekerjaan.

3. Negeri-negeri yang mencatatkan pelaburan langsung asing direalisasikan tertinggi adalah Pulau Pinang (RM10.7 bilion atau 30 peratus), diikuti oleh Selangor (RM8.8 bilion atau 24 peratus), Kedah (RM6.1 bilion atau 17 peratus), Johor (RM4.5 bilion atau 13 peratus) dan Sarawak (RM1.8 bilion atau 5 peratus). Kesemua lima negeri utama ini menyumbang sebanyak RM31.9 bilion atau 89 peratus daripada jumlah RM36.0 bilion pelaburan langsung asing yang direalisasikan di seluruh negara.

4. Pecahan projek dan pelaburan yang melibatkan penyertaan asing dalam sektor perkilangan dan telah direalisasikan sehingga bulan Jun 2020 mengikut negeri pula adalah seperti berikut:

Negeri	Projek Dilaksanakan	
	Bilangan Projek	Pelaburan Langsung Asing (RM Juta)
Pulau Pinang	78	10,717.7
Selangor	114	8,787.6
Kedah	23	6,141.9
Johor	124	4,530.1
Sarawak	12	1,843.8
Perak	24	1,583.6
Negeri Sembilan	16	1,222.7
Pahang	15	880.4
Melaka	9	265.4
Sabah	4	34.3
Kelantan	1	6.4
W.P. Kuala Lumpur	1	4.7
Terengganu	2	4.0
Jumlah	423	36,022.5